



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

*Department Of Veterinary Services*

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan  
Wisma Tani, Blok Podium Lot 4G1 & 4G2  
No. 28 Persiaran Perdana, Presint 4  
62630 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 603-8870 2000  
Faks : 603-8888 6021  
E-mel : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)  
Laman Web : [www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)

## SIARAN MEDIA

### MAJLIS PELANCARAN

#### MAJLIS PEMETERAIAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR BERSAMA AGENSI-AGENSI LUAR & PERTUKARAN NOTA KERJASAMA STRATEGIK ANTARA JABATAN PERTANIAN BERSAMA UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

20 SEPTEMBER 2024 | DEWAN A, MAEPS, SERDANG

**SERDANG**, 20 September- YBhg. Datuk Azah Hanim Binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) hari ini menyaksikan Majlis Pemeteraihan Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Bersama Agensi-Agenzi Luar & Pertukaran Nota Kerjasama Strategik Antara Jabatan Pertanian Bersama Universiti Putra Malaysia bertempat di Dewan A, MAEPS, Serdang, Selangor.

Dalam majlis tersebut, DVS melancarkan empat (4) Memorandum Persefahaman manakala satu (1) Pertukaran Nota Kerjasama Strategik DOA bagi mengukuhkan jalinan kerjasama strategik atau *Smart Partnership* bersama-sama dengan agensi luar iaitu:

3.1 **MOU DVS-UM** bertujuan untuk melaksana program penyelidikan dalam bidang pembiakan ternakan yang terancang bagi mengeksplorasi Bahan Genetik dan meningkatkan kualiti genetik ternakan berpotensi komersil.

3.2 **MOU DVS-UPM** bertujuan untuk memperkuat, memupuk dan mengembangkan kerjasama dalam bidang latihan, penyelidikan dan pembangunan dalam bidang Sains Veterinar dan Penternakan Haiwan.

3.3 **MOU-UPM-MBSP-KHL-SASA** dan **MOU DVS-UPM-MBPP-IAPWA** yang bertujuan untuk mengkaji persepsi orang awam dan kebajikan anjing yang dilepaskan semula di bawah Program *Trap-Neuter-Release and Manage* (TNR-M) di Seberang Perai / Pulau Pinang. Selain dari menjalankan penyelidikan/ kajian, kerjasama ini juga menumpukan kepada perkongsian kepakaran, maklumat serta menjalankan latihan dan kempen kesedaran kebajikan haiwan terutamanya anjing terbiar kepada masyarakat Malaysia khususnya penduduk Pulau Pinang dan Seberang Perai.

3.4 **NOTA KERJASAMA STRATEGIK DOA-UPM** bertujuan memupuk dan memperkuuhkan kerjasama dua hala antara Jabatan Pertanian dan UPM yang merangkumi setiap komponen sepanjang rantaian pengeluaran makanan subsektor tanaman.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui jabatan/ agensi di bawahnya sentiasa komited memperluas dan mengukuhkan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi memastikan tahap keterjaminan makanan negara stabil.

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)  
20 SEPTEMBER 2024**